



Kempen Birthday Reward
 eksklusif untuk pemegang sijil Takaful Zurich yang sedia ada sahaja

Dapatkan RM50 Touch 'n Go eWallet Kredit 
 dengan sebarang pendaftaran sijil Zurich semasa bulan kelahiran anda.*

*Tertakluk kepada terma & syarat

TERMA DAN SYARAT:

1. Kempen 'Birthday Reward' ("**Kempen**") adalah dianjurkan oleh Zurich Takaful Malaysia Berhad ("**ZTMB**"). Tempoh kempen adalah dari **1 April 2024 hingga 30 Jun 2024**, termasuk kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**").
2. Pelanggan yang memenuhi syarat-syarat berikut ("**Pelanggan Yang Layak**") akan layak untuk menerima Kredit Touch 'n Go eWallet bernilai RM50:
 - a. mestilah pemegang sijil sedia ada dengan sekurang-kurangnya satu sijil berkuatkuasa; dan
 - b. hari kelahiran pemegang sijil jatuh dalam Tempoh Kempen dan mendaftar untuk sebarang sijil ZTMB baharu semasa bulan kelahiran pemegang sijil dengan Setara Caruman Tahunan minimum ("**ACE**") sebanyak RM1200*; dan**Hanya 10% daripada caruman terkumpul untuk Max Saver dan pelan caruman tunggal akan diambil kira untuk pengiraan ACE, jika berkenaan.*

Contoh:

Caruman Tunggal	RM10,000
ACE	10% x RM10,000 = RM1,000

- c. permohonan mesti diluluskan oleh ZTMB dalam bulan berikutnya daripada bulan kelahiran; dan

Contoh permohonan dan kelulusan sijil:

Hari lahir Pelanggan Yang Layak ialah pada bulan April.

Pelanggan Yang Layak mesti mendaftar untuk sijil baharu antara 1 hingga 30 April 2024 dan diluluskan selewat-lewatnya sebelum 31 Mei 2024.

- d. sijil baharu mesti berkuatkuasa dengan caruman terkini dibuat semasa Kredit eWallet diberikan; dan
 - e. mesti memberikan nombor telefon bimbit yang tepat dalam borang permohonan supaya pin tambah nilai Kredit eWallet dapat dihantar melalui SMS kepada Pelanggan Yang Layak.
3. ZTMB tidak akan bertanggungjawab jika Pelanggan Yang Layak tidak menerima pin tambah nilai Kredit eWallet disebabkan oleh nombor telefon bimbit yang diberikan tidak tepat.
 4. Setiap Pelanggan Yang Layak hanya layak mendapat satu (1) pin tambah nilai Kredit eWallet walaupun mendaftar lebih daripada satu sijil baharu.
 5. Selepas pengesahan berjaya oleh ZTMB, pin tambah nilai Kredit eWallet akan dihantar kepada Pelanggan Layak melalui SMS selewat-lewatnya pada 30 September 2024.
 6. Pin tambah nilai Kredit eWallet tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
 7. ZTMB berhak untuk menggantikan pin tambah nilai Kredit eWallet dengan ganjaran lain yang sama nilainya mengikut budi bicara mutlak tanpa sebarang notis awal.
 8. ZTMB berhak untuk meminda terma dan syarat, membatalkan, menamatkan, atau menggantung Kempen ini tanpa sebarang notis awal.
 9. Keputusan ZTMB mengenai mana-mana dan/atau semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad.
 10. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat yang ditetapkan di sini.
 11. Terma dan syarat Kempen ini hendaklah ditafsir, dikawal dan ditadbir mengikut undang-undang Malaysia.
 12. ZTMB dan syarikat gabungannya, anak syarikat, pekerja, wakil, dan pagedarnya tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami secara langsung atau tidak langsung oleh Pelanggan Yang Layak akibat penyertaan mereka dalam Kempen ini atau dengan mana-mana pin tambah nilai Kredit eWallet yang ditawarkan.